

# Melawat ke mahkamah untuk pendengaran sebuah kes keganasan keluarga arahan pencelahan

**Jika anda sedang menghadapi bahaya, sila panggil 000**

**Jika anda tidak menghadapi bahaya pada ketika ini, tetapi berasa tidak selamat, sila hubungi The Orange Door**  
[orangedoor.vic.gov.au](http://orangedoor.vic.gov.au)

## Sebelum anda ke mahkamah

Melawat ke mahkamah merupakan satu proses undang-undang, jadi ia adalah idea baik untuk mendapatkan nasihat guaman sebelum anda ke sana.

Victoria Legal Aid (Bantuan Guaman Victoria) menyediakan nasihat guaman percuma kepada mereka yang layak untuk menerimanya. Sila telefon 1300 792 387

Sebelum ke mahkamah, anda juga patut:

- beritahu mahkamah jika anda perlukan bantuan seorang peguam yang bertugas pada hari pendengaran kes mahkamah anda
- beritahu mahkamah jika anda perlukan seorang jurubahasa
- minta mahkamah untuk mengaturkan kehadiran anda melalui telefon atau sidang video jika anda tidak dapat hadir sendiri
- beritahu mahkamah jika anda tidak boleh menghadiri kes pendengaran itu sama sekali
- beritahu mahkamah jika anda berasa bimbang tentang keselamatan anda semasa berada di kes pendengaran itu. Pihak mahkamah boleh mengaturkan satu tempat tunggu khas untuk

anda jika anda tidak berasa selamat. Pihak mahkamah mungkin juga boleh mengaturkan pegawai keselamatan untuk berada di dalam dewan mahkamah bersama anda. Di sesetengah mahkamah, anda mungkin boleh memberi keterangan anda melalui pautan video, supaya anda tidak perlu berada di dalam mahkamah itu. Perkara ini perlu diaturkan terlebih dahulu.

Alamat dan butir-butir untuk menghubungi mahkamah-mahkamah Victoria disenaraikan pada laman web Mahkamah Majistret Victoria: [mcv.vic.gov.au/going-court/find-court](http://mcv.vic.gov.au/going-court/find-court)

## Pada hari pendengaran

Pastikan anda mengosongkan jadual anda untuk keseluruhan hari tersebut. Kes anda mungkin tidak akan didengar dengan segera, jadi anda mungkin perlu menunggu beberapa jam sebelum kes anda didengar.

Mahkamah Majistret tidak mempunyai tempat penjagaan kanak-kanak, jadi jika anda mempunyai anak, sila aturkan supaya mereka akan dijaga oleh orang lain pada hari tersebut. Jika anda menghadiri mahkamah melalui telefon atau sidang video, sila pastikan bilik di mana anda berada tidak mempunyai kanak-kanak bila anda sedang menghadiri sesi sidang mahkamah itu dan/atau anda sedang bercakap dengan seorang peguam yang bertugas.

Rancangkan cara bagaimana anda akan pergi ke mahkamah. Tempat letak kereta berhampiran mahkamah mungkin mahal. Ia mungkin lebih baik untuk menggunakan pengangkutan awam atau dapatkan bantuan seseorang untuk menghantar anda.

Cuba tiba sekurang-kurangnya 30 minit sebelum waktu perbicaraan bermula.

Bagi mengawal keselamatan di mahkamah, semua orang perlu melalui proses saringan keselamatan. Ini ialah untuk menghalang pembawaan bahan berbahaya ke dalam bilik bicara

Sebaik sahaja anda melalui saringan keselamatan, sila pergi terus ke kaunter mahkamah – yang dikenali sebagai pendaftar (registry) – dan beritahu kakitangan di bahagian pendaftar bahawa anda sudah tiba.

Para kakitangan pihak pendaftar boleh memberikan anda maklumat, termasuk mengenai:

- › cara bagaimana untuk mencari arah anda ke bilik bicara mahkamah yang betul
- › memberikan anda panduan kepada perkhidmatan mahkamah yang lain termasuk peguam yang bertugas

Jika anda berasa tidak selamat semasa anda berada di mahkamah, sila bercakap dengan seorang pengawal keselamatan atau pihak pendaftar.

## Barang-barang yang anda patut bawakan bersama anda ke mahkamah

- › sebarang dokumen berkaitan pendengaran kes mahkamah anda
- › sebarang arahan mahkamah daripada mahkamah lain yang berkaitan dengan anda atau anak-anak anda
- › makanan ringan, makanan dan minuman yang ada di tempat berdekatan seringkali mungkin agak mahal
- › pengecas telefon
- › botol air (bukan kaca)
- › sebuah buku atau sesuatu benda lain yang boleh menghiburkan anda sementara anda menunggu untuk pendengaran anda

Bila anda masuk dan keluar daripada bilik bicara mahkamah, sebagai tanda hormat, sila tunduk ke arah Majistret

Bila anda sudah berada di dalam bilik bicara mahkamah, **jangan**:

- › makan, minum atau kunyah gula-gula getah
- › pakai topi atau cermin mata hitam atau meletakkan cermin mata hitam di atas kepala anda

Sila pastikan telefon bimbit anda disenyapkan atau dimatikan. Jika telefon anda disenyapkan, sila pastikan ia tidak akan bergetar.

## Sokongan apa yang akan saya ada di mahkamah?

Ia akan bergantung kepada mahkamah di mana anda akan berada. Seorang peguam yang bertugas, dan seorang jurubahasa (jika anda telah memaklumkan kepada pihak mahkamah yang anda memerlukan seorang jurubahasa) mungkin akan berada di mahkamah.

Seorang pekerja sokongan (Family Violence Applicant Practitioner) (Pengamal Pemohon Keganasan Keluarga) juga mungkin akan berada di mahkamah yang boleh memberi anda sokongan bukan-guaman.

Anda mungkin ingin membawa seorang kawan atau ahli keluarga bersama anda untuk memberi anda sokongan.

## Bolehkah saya mendapatkan seorang jurubahasa di mahkamah?

Ya. Sila telefon pihak mahkamah terlebih dahulu sekiranya anda memerlukan seorang jurubahasa untuk membantu anda dengan permohonan anda untuk mendapatkan sebuah arahan pencilahan.

Anda juga patut memberitahu kakitangan pendaftar mahkamah bahawa anda ingin mendapatkan seorang jurubahasa untuk kes pendengaran mahkamah anda.

**Kami mengalu-alukan maklumbalas.** Sila layari laman web kami untuk berkongsi maklumbalas atau aduan anda: [womenslegal.org.au](http://womenslegal.org.au)

women's legal  
service victoria

PO Box 13311 Law Courts VIC 8010

T 03 8622 0600 E [admin@womenslegal.org.au](mailto:admin@womenslegal.org.au)



Women's Legal Service Victoria (Perkhidmatan Guaman Wanita Victoria) terletak di dalam tanah tradisional orang Wurundjeri daripada bangsa Kulin. Kami mengiktiraf hubungan berterusan orang-orang Aborigin dan Kepulauan Selat Torres kepada tanah, air dan masyarakat dan menyampaikan salam hormat kami kepada Orang Tua-Tua (Elders) mereka yang sudah lalu dan masih ada. Kedaulatan tidak pernah diserahkan.

Women's Legal Service (Perkhidmatan Guaman Wanita) berkomited untuk menyediakan sokongan yang selamat dan inklusif.